



PERUTUSAN TAHUN BARU 2018

OLEH

YBHG. DATO' ABDUL KADIR BIN ABU HASHIM

KETUA PENGARAH

JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera saya ucapkan kepada semua warga Jabatan PERHILITAN.

Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, saya berpeluang untuk memberi ucapan tahun baru sempena Tahun 2018 yang bakal tiba tidak lama lagi.

Tahun 2017 bakal meninggalkan kita dengan pelbagai kejayaan yang kita kecapai dan cabaran yang telah kita harungi bersama. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia yang telah bertungkus lumus bersama-sama memandu Jabatan mencapai kejayaan sepanjang tahun 2017.

Di antara rangkuman kejayaan utama yang telah kita kecapai adalah:

- 1) Pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai 'Largest Collection of Wildlife Biomaterial'.
- 2) Kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui majlis menandatangani Ikrar Bebas Rasuah di peringkat Ibu Pejabat dan semua pejabat Jabatan PERHILITAN.
- 3) Kerjasama strategik dengan Persatuan Patologi Veterinar Malaysia dalam rujukan dan penyelidikan berkaitan bidang patologi hidupan liar.
- 4) Meneruskan kerjasama melalui inisiatif Strategi Lautan Biru (NBOS) dalam membanteras jenayah hidupan liar dengan agensi-agensi penguatkuasa dalam dan luar negara.

- 5) Pelancaran buku 'Red List Mammal Peninsular Malaysia' sebagai rujukan dalam pengurusan hidupan liar di Semenanjung Malaysia.
- 6) Melaksanakan survei Harimau Kebangsaan (1NTS) dengan kerjasama NGO melalui perjanjian persefahaman (MoU).
- 7) Prestasi cemerlang pengurusan kewangan jabatan iaitu dalam Naziran ESPKB Tahun 2017, Verifikasi Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun (LPPKA) serta pencapaian perbelanjaan peruntukan pembangunan 2017 sebanyak 99.61%.
- 8) Dalam pengurusan kerjaya, Jabatan berjaya mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk jawatan baharu iaitu jawatan G40, G28 & H16

Sebelum saya mengakhiri perutusan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan yang telah berkhidmat dengan jayanya sepanjang 2017, selamat bersara kepada yang telah bersara dan selamat datang kepada kakitangan yang baru menyertai pasukan Jabatan PERHILITAN.

Semoga Tahun Baharu ini membuka lembaran baharu untuk kita semua terus berusaha agar terus menjadi agensi yang kekal relevan dalam mengurus hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar di Semenanjung Malaysia.

Diharapkan semangat '*Speed & Power*' warga Jabatan PERHILITAN dapat dikekalkan serta terus memberikan sokongan kepada 'Government of the day'.

Selamat maju jaya dan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2018

Sekian, Wabillah Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.